

BAB 3

PERANAN DALAM ASPEK PENTADBIRAN DAN POLITIK

BAB 3 PERANAN DALAM ASPEK PENTADBIRAN DAN POLITIK

3.1 Latar belakang institusi politik dan pentadbiran.

Hubungan diplomatik yang awal sebenarnya telah bermula semenjak Terengganu menjadi salah sebuah negeri di bawah jajahan takluk Patani yang dikenali sebagai Patani Besar. Perdagangan dan ekonomi antara Patani dengan Terengganu adalah begitu pesat sekali dengan kemudahan penggunaan pengangkutan seperti perahu Besar, perahu Bedar dan lain-lain. Aktiviti ini secara tidak langsung turut merintis kepada hubungan diplomatik yang lebih erat antara kedua-dua pihak. Pembentukan kesultanan Terengganu pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I menggambarkan dengan jelas berkenaan peranan masyarakat Melayu Patani yang amat penting di dalam pertabalan tersebut. Malah perkahwinan di antara Sultan Zainal Abidin dengan Nang Rogayah¹ dari Patani juga membuktikan bahawa ikatan politik di kalangan pemerintah pada waktu tersebut amat intim. Sekiranya dilihat dari perspektif sosiologi perbandaran, didapati bahawa pembentukan institusi diraja sebagai pemerintah yang mempunyai kuasa mutlak terhadap rakyat dan negara akan turut mengekalkan kedudukan pusat pemerintahannya sebagai pusat ibu negeri. Justeru itu dengan kewujudan pusat pemerintahan yang pertama di Kuala Brang, tempat tersebut terlebih dahulu terkenal sebagai pusat pemerintahan, ekonomi dan agama di Terengganu berbanding dengan

¹ Nang Rogayah merupakan adik Raja Mas Jayam (1707 – 1710). Raja Mas Jayam dilantik menjadi Raja Patani dengan gelaran Baginda. Lihat Mohd Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani ; Sejarah dan Politik*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1993, hlm. 88.

Kuala Terengganu yang memainkan peranan yang sama selepas daripada itu. Oleh yang demikian, apabila pusat pemerintahan berpindah ke Kuala Terengganu maka fungsinya bukan sekadar pusat pentadbiran malah juga sebagai sebuah bandar pelabuhan yang maju. Para pedagang dari Timur dan Barat turut singgah di Kuala Terengganu yang memainkan peranan penting dalam perdagangan eksport dan import barangansama ada keluaran tempatan mahupun luar negeri.²

Peranan Kuala Terengganu yang memakai guna sistem pemerintahan beraja ini turut dicorakkan oleh pembentukan struktur pentadbiran yang diasaskan oleh dasar dan kepimpinan Islam. Ianya dikenali sebagai pusat pemerintahan yang berteraskan syariat Islam. Perkara ini dapat dibuktikan melalui latarbelakang agama dan sosial masyarakat Melayu yang menganut agama Islam pada ketika itu iaitu dengan wujudnya hubungan yang rapat antara *umarak* (pemerintah) dan para *ulama*, *lebai* dan institusi tertentu seperti masjid, surau dan pondok sebagai tempat pengajian agama. Menurut catatan Maxwell, beliau telah mengakui bahawa suasana pentadbiran dan sosial masyarakat Terengganu pada masa itu adalah sepetimana kehendak dan tuntutan Islam iaitu :

² " a self governing Malay Muhammadan State "³

² Khoo Kay Kim, *Kuala Terengganu: Pusat Perdagangan Antarabangsa*, dalam Abdullah Zakaria Ghazali(ed.), *Terengganu : Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 57 – 73.

³ Maxwell, W.G. dan Gibson, W.S., *Treaties and Engagement Affecting The Malay State and Borneo*, London, 1924, hlm. 113.

Malah perlembagaan negeri yang berteraskan Syariah juga dilaksanakan pada 1911. Secara tidak langsung kewujudan institusi perlembagaan yang berteraskan Islam tersebut turut mencorakkan hala tuju politik, sosial dan ekonomi masyarakat bandar Kuala Terengganu khususnya dan Terengganu amnya.

Menurut Rahmat Saripan, peranan ulama terbahagi kepada empat iaitu mengajak masyarakat supaya mentauhidkan Allah dan tunduk kepada perintah serta laranganNya; pegangan kepada Sunnah sebagai contoh teladan; menyokong kepimpinan masyarakat ke arah menegakkan keadilan dan keamanan; menghayati konsep mengajak kepada makruf dan mencegah perkara mungkar.⁴

Ini bermakna bahawa para ulama, guru-guru agama, dan ilmuan Islam ini juga bertindak sebagai pentadbir, pendidik dan pendakwah kepada segenap lapisan kelompok masyarakat termasuk sultan, kerabat sultan, pentadbir, orang keistimewaan, golongan pertengahan dan bawahan. Justeru itu maka lahir beberapa peringkat golongan ulama berdasarkan peranan sebagai ulama-pendidik, ulama-pentadbir, ulama-institusi dan seumpamanya.⁵

⁴ Rahmat Saripan, *Konsep, peranan dan institusi ‘Penasihat’ di Terengganu, Kedah dan Johor pada akhir abad ke-19 daripada perspektif Islam dalam masyarakat Melayu abad ke-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 213.

⁵ Muhammad Abu Bakar, *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Terengganu, hlm. 3 – 49, 1991.

Antara peranan ulama yang penting dalam konteks pentadbiran di Terengganu ini adalah merangkumi keterlibatan secara langsung di dalam penggubalan dasar pentadbiran politik dan sosio-ekonomi; keahlian dalam Dewan Mesyuarat Kerajaan Negeri; merangka undang-undang pentadbiran Islam dan pelantikan serta bidang kuasa Hakim dan Kadi; memimpin unit pentadbiran politik di kawasan tertentu di atas kehendak ‘*cap kurnia*’ pemerintah.⁶

Gambaran secara tidak langsung peranan para ulama dan ilmuan Islam dalam kerangka kehidupan masyarakat bandar yang memakai sistem politik, sosial dan ekonomi yang berteraskan Islam ini amat penting dan besar pengaruhnya. Kesebatian hubungan golongan ulama – pemerintah – sultan tersebut telah terserlah di dalam bentuk *Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911*, iaitu :

“ Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan ‘Islamiyyah Melayuwiiyah’ ialah dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri sekalipun banyak bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.”⁷

Selain dari peranan masyarakat Melayu Patani dalam bentuk sistem kesultanan yang telah diasaskan, golongan ilmuan Islam dan para ulama yang berasal dan berketurunan dari Patani juga memberikan impak yang besar terhadap corak dan pembawaan sistem pemerintahan, sosial dan ekonomi serta lain-lainnya. Semenjak era Sultan Zainal Abidin I lagi, telah ada

⁶ Rahmat Saripan, *op.cit.*, hlm. 215.

⁷ Undang-Undang Tubuh bagi Kerajaan Terengganu (1911) dinamakan ‘*Iqanul Muluk bi Ta’dilis Suluk*’

seorang ilmuan Islam dari Patani yang dibawa bersama dan dilantik sebagai Hakim Besar pada ketika itu, iaitu **Tok Imam Mahmud (anak Tok Fakeh Hassan)**.⁸

Kemudiannya, peranan pentadbir ulama ini disusuli pula dengan penghijrahan ulama yang mengundurkan diri dari Patani ke Terengganu disebabkan pergolakan politik. Kehadiran para ilmuan Islam ini juga turut sama menyumbang ke arah pembentukan hala tuju pentadbiran Islam yang lebih mantap dan berkesan.

Antara ulama yang pernah singgah ataupun bermastautin di Kuala Terengganu termasuklah Syeikh Daud al-Fatani, Tok Syeikh Duyong dan Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Malah hasil kesungguhan dan komitmen mereka yang tinggi dalam mendidik masyarakat jugalah timbul beberapa individu yang cemerlang dan memberikan pengaruh kepada masyarakat dan pemerintah iaitu termasuklah Tok Pulau Manis, Tokku Tuan Besar, Tok Pelam dan lain-lain. Di samping itu, generasi Tok Syeikh Duyong dan Syeikh Abdul Kadir sendiri juga memainkan peranan yang amat ketara dalam proses pemerintahan dan Islam di Terengganu. Antaranya ialah Wan Muhammad bin Wan Abdullah (Mufti ke-4), Wan Sulaiman bin Wan Daud (Mufti ke-6), Wan Abdul Rahman bin Wan Long (Mufti ke-8), Wan Long Mohd. Salleh bin Wan Ahmad (Mufti ke-9) dan Wan Abdul Manan bin Wan Yaakub (Mufti ke-11). (sila lihat rajah 3.1, 3.2 dan 3.3)

⁸ Sila rujuk Salasilah Keturunan Nakhoda Wangkang dan Fakeh Ali al-Malbari oleh Haji Wan Embong bin Wan Ismail, Bukit Besar, Kuala Terengganu.

RAJAH 3.1 : Senarai nama Mufti dan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu yang berketurunan Melayu Patani.

Bil.	Nama	Jawatan	Tempoh
1	Tuan Syeikh Abdul Kadir b. Abdul Rahim Bukit Bayas	Mufti pertama	
2	Haji Wan Abdullah b. Wan Mohd. Amin (Tok Sheikh Duyong)	Mufti ketiga	1878 - 13.2. 1889
3	Haji Wan Muhammad b. Wan Abdullah	Mufti keempat	1890 – 1912
4	Haji Wan Sulaiman b. Wan Daud (Dato' Kamal Wangsa)	Pemangku Pesuruhjaya ke 3 Mufti keenam	10.4.1929 – 29.8.1930 1.1.1932 – 16.9.1936
5	Haji Wan Abdul Rahman b. Wan Long (Dato' Purba Diraja)	Pemangku Mufti kelapan Pesuruhjaya kesembilan Pesuruhjaya kesebelas	23.3.1943 – 27.4.1967 12.4.1943 – 14.9.1943 19.10.1943 – 27.4.1967
6	Y.B Haji Wan Long Mohd Salleh b. Ahmad (Dato' Sangsura Pahlawan)	Mufti kesembilan Pesuruhjaya ke 12	17.7.1952 – 22.11.1957 1.7.1946 – 21.1.1951
7	Y.B Dato' Wan Abdul Manan b. Hj. Wan Yaakub (Dato' Indera Guru)	Mufti ke 11 Pesuruhjaya ke 22	1.1.1976 – 15.2.1988 16.2.1988 -

Sumber : Disesuaikan dari MISBAHA, Sepintas Lalu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, PESAKA, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1989, hlm. 104 - 107.

RAJAH 3.2 : Senarai Nama Mufti Negeri Terengganu

Bil.	Nama Mufti	Tempoh
1.	Tuan Syeikh Wan Abdul Kadir bin Wan Abd. Rahim Bukit Bayas.	? hingga 1853
2.	Syed Muhammad bin Zainal Abidin bin Al-Idrus (Tuan Besar Paduka Indera)	1860 – 12.1.1878
3.	Haji Wan Abdullah bin Wan Mohd. Amin. (Tok Syeikh Duyong)	1878 – 13.2.1889
4.	Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah (anak Tok Syeikh Duyong)	1890 – 1912
5.	Haji Wan Mohd Saleh bin Wan Ismail (Dato' Indera Guru)	10.12.1912 – 7.12.1931
6.	Haji Wan Sulaiman bin Wan Daud (Dato' Kamal Wangsa)	1.1.1932 – 16.9.1936
7.	Syeikh Hassan bin Said al-Yamani	1.9.1940 – 17.7.1952
8.	Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Long (Dato' Purba Diraja)	1952 – 1967
9.	Haji Wan Long Mohd. Saleh bin Wan Ahmad (Dato' Sangsura Pahlawan)	1952 – 1957
10.	Syed Yusof bin Ali Al-Zawawi	1953 – 1975
11.	Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaakob (Dato' Indera Guru)	1.1.1976 – 15.2.1988
12.	Y.M. Engku Alwi bin Haji Ambak Al-Idrus.	16.2.1988 - sekarang

Kesinambungan pemerintahan beraja yang disokong kuat oleh penampilan ulama terus berlangsung. Umpamanya Wan Abdullah bin Wan Mohd Amin (1802 –1889) yang dikenali sebagai Tok Syeikh Duyong (sempena nama Pulau Duyong) adalah tokoh yang mempunyai kepakaran di dalam bidang perundangan Islam. Pada ketika itu, Pulau Duyong memang terkenal sebagai pusat perkembangan ilmu Islam di seluruh nusantara dan dianggap sebagai *Lidah Negeri Terengganu*. Beliau yang pernah didampingi oleh Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III turut dilantik sebagai Mufti Terengganu dan diberi gelaran *Syeikh al-Ulama* oleh Baginda Omar.

Beliau merupakan penasihat diraja dan tempat rujukan terakhir berhubung ilmu serta segala permasalahan berkaitan hukum-hukum syarak.⁹

Terdapat beberapa contoh yang jelas menunjukkan pengaruh dan peranan penting yang dimainkan oleh keturunan Melayu Patani dalam struktur pentadbiran negeri Terengganu. Tok Syeikh Duyong pernah berperanan dalam proses kenaikan Sultan Zainal Abidin III sebagai sultan. Beliau yang menyokong dan merestui Sultan Zainal Abidin III tersebut memudahkan lagi proses pertabalan baginda pada 18 Disember 1881.¹⁰

Pada masa pemerintahan Baginda Omar pula, beliau yang memegang jawatan Mufti seringkali diminta nasihat oleh baginda berkenaan dasar-dasar luar dan pernah juga berjaya mempengaruhi sultan untuk menyokong Wan Ahmad sewaktu perang saudara meletus di Pahang antara Wan Ahmad dan Tun Mutahir.

Selain daripada itu, penglibatan dan peranan beliau juga penting sewaktu menggubal **Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911** bersama **Sayyid Mustafa al-Idrus, Haji Wan Muhamad Salleh Ismail, Haji Ngah Mohd. Yusof dan Haji Wan Sulaiman.**

⁹ Khoo Kay Kim, Trengganu and Kelantan in The 19th Century, *The Southeast Asian Review*, August 1976, hlm. 52 dan 531; Heather Sutherland, The Taming of the Trengganu Elite, dalam *Southeast Asian Transitions: Approaches Through Social History*, (Ed. By R.T Mc Vey), Yale University Press, New Haven and London, 1978, hlm. 37, 46-47.

¹⁰ Yusuf Embong, *op.cit.*, hlm. 17

Terdapat 22 orang ahli Jemaah Negeri yang bertanggungjawab menandatangani undang-undang tersebut sepetimana yang diungkapkan oleh Allen, J. de V, iaitu :

" Of the twenty-two members of the State Council (excluding Zainal Abidin's two elder sons) who signed the 1911 Constitution, 6 were Enche and only nine were Tenkus or Unkus, the rest being prefixed with Tuan, Wan, Ngah, or Haji or some combination of these." ¹¹

Keberkesanan pemakaian undang-undang Islam di Terengganu telah membuktikan bahawa hanya lima orang sahaja yang dikenakan hukuman, iaitu terdiri daripada tiga orang Cina dan dua orang Melayu.¹²

Selain daripada menggunakan peruntukan yang ada, beliau juga berpandukan kepada kitab Fekah dan perundangan Islam yang muktabar seperti *Kitab Minhaj al-Talibin*, *Mughial – Muhtaj*, *al-Nihayah* dan *al-Umm* sebagai teks undang-undang negeri. Beliau juga memberikan nama yang lain kepada Perlembagaan tersebut sebagai *Itqa al-Muluk fi Ta'dil al-Suluk*.¹³

Dalam pada itu juga beliau dianggap sebagai seorang yang tegas dan berani apabila mempertahankan sempadan antara Terengganu dan Kelantan bilamana dilantik sebagai wakil Sultan ketika itu.

Manakala Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas (1864) (sempena nama Bukit Bayas), pernah dijadikan guru dan penasihat oleh Baginda Omar. Beliau menggunakan kitab-kitab yang muktabar dalam pengajarannya

¹¹ Allen, J. de V., *op.cit.*, hlm.14.

¹² C. O. 273/474, Gabenor (Sir Arthur Young) kepada Pejabat Kolonial, 1918.

¹³ Lihat *Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu*, Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara, 1973.

termasuklah *Ihya' Ulum al- Din (Imam al-Ghazali)*, *Kitab Himpunan 41 Risalah*, *Kitab al-Manhal al-Sufi fi Bayan Rumuz ahl al-Sufi* dan sebagainya.

Syeikh Abdul Kadir yang pakar dalam bidang Tasauf telah melahirkan ramai pelajar-pelajarnya yang terkenal seperti Tokku Tuan Besar, Haji Abdul Hamid Tebauk di Kuala Nerus dan lain-lain. Tokku Tuan Besar (Syeikh Muhammad bin Zainal Abidin, 1795-1879) adalah tokoh sasterawan Islam terulung di Terengganu yang berjaya menghasilkan 16 buah karya penting.

Antara tokoh ulama pentadbir yang terkenal adalah seperti Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Long (Dato' Purba Diraja)[1911 – 1990]. Beliau adalah cicit Tok Syeikh Duyong. Beliau pernah mendapat pendidikan dari Timur Tengah termasuk Mekah dan merupakan bekas pelajar Syeikh Mokhtar, Syeikh Hassan Said Yamani, Tok Ayat dan Pak Da Weil. Sepanjang kariernya, beliau pernah menjawat jawatan Kadi, Kadi Besar, Pesuruh Jaya Agama, Pemangku Mufti, Pengerusi Jemaah Pangkuan Negeri dan sebagainya. Haji Wan Abdul Rahman pernah dianugerahkan gelaran ‘Tokoh Ulama Negeri Terengganu’ pada tahun 1988. Beliau amat mahir dalam ilmu Fekah khususnya dalam bab hukum Fara'id. Malah sebagai seorang pakar dalam ilmu Falak, beliau turut terlibat dalam penyediaan takwim Islam.

Haji Wan Abdul Rahman juga menghasilkan beberapa tulisan dan penerbitan khususnya dalam majalah *Suara Jabatan Agama* yang bertajuk *Bumi yang Kita Diami, Bulan yang Di Pandang, Matahari dan Atariq dan*


Zahrah. Manakala karya beliau yang diterbitkan bersama seperti *Panduan Ibadat* dan *Panduan Kanak-Kanak*.

Pada ketika ini, suasana seperitimana peringkat awal itu masih berlaku bilamana ramai tokoh-tokoh dari generasi Melayu Patani yang berperanan penting dalam aspek pentadbiran negeri Terengganu turut memberikan impak yang besar kepada institusi politik seperti Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad (Menteri Besar Terengganu) .

Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dilahirkan di Tanjung Nesan Empat, Kuala Terengganu pada 21 Mac 1932. Beliau mempunyai 2 orang adik beradik dan merupakan anak sulung. Bagaimanapun adiknya Wan Mansor meninggal dunia ketika usianya tiga tahun. Bapanya iaitu Wan Ahmad adalah seorang peniaga beras yang terkenal di Pasar Kedai Payang. Datuknya (Tokki) pula berasal dari Patani. Beliau dididik dan membesar dalam keluarga yang kuat beragama.


Bakat kepimpinan Wan Mokhtar mulai terserlah semenjak di bangku sekolah lagi, malah hingga ke peringkat universiti di Mesir. Sekembalinya ke tanah air pada 1963, beliau terus berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu bersama teman karibnya iaitu Engku Alwi bin Haji Ambak(Mufti Terengganu). Wan Mokhtar mula berkecimpung dalam politik pada tahun 1964 dengan terpilih sebagai ahli Parlimen Kemaman sehingga 1974. Malah beliau dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu pada 1 September 1974 ketika berusia 42 tahun.

RAJAH 3.3 : SALASILAH GOLONGAN PENTADBIR AGAMA BERKETURUNAN WAN DI KUALA TERENGGANU
(KETURUNAN TOK SYEIKH DUYONG)
DISESUAIKAN DARI SALASILAH KETURUNAN TOK MASJID (NAKHODA WANGKANG)




SAMBUNGAN ...

Wan Abdullah (Tok Syeikh Duyong)
(Mufti ke-3)



Sumber : Disesuaikan dari salinan Salasilah Keturunan WAN
Kepunyaan Haji Wan Embong Wan Ismail
Bukit Besar, Kuala Terengganu.

Di samping itu, terdapat seorang lagi tokoh penting yang terkenal bukan sahaja dalam bidang politik malah juga dalam bidang guaman, iaitu Yang Berhormat Haji Wan Abdul Mutalib bin Wan Embong. Beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Buruk, Kuala Terengganu. (lihat gambar 3.1)



Gambar 3.1 : Yang Berhormat Haji Wan Mutalib Wan Embong

a. Latar belakang

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Mutalib Wan Embong telah dilahirkan pada 13 Oktober 1941 di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu. Sewaktu zaman kecilnya, beliau dibesarkan dalam suasana kampung dan kehidupan beragama. Beliau mempunyai 9 orang adik beradik. Bapanya adalah seorang aktivis UMNO di Kuala Terengganu, walau bagaimanapun beliau tidak turut

& Co. di Kuala Lumpur pada tahun 1975 hingga 1978. Akhirnya beliau telah menubuhkan syarikat guaman sendiri, iaitu Wan Abdul Muttalib & Co. pada tahun 1978 hingga kini. Terdapat seramai dua puluh enam orang, iaitu seorang Pembantu Undang-Undang dan dua puluh lima orang kerani yang membantu mengurus syarikatnya. Manakala anggaran jumlah perbelanjaan sebulan untuk mengurus syarikatnya adalah sebanyak RM 40,000.

b. Penglibatan dalam politik

Penglibatan beliau dalam parti politik bermula pada tahun 1976 setelah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan juga sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada tahun berikutnya. Pada tahun 1978, perpecahan antara pakatan parti PAS dan UMNO telah menyebabkan beliau diarahkan oleh parti untuk pulang dan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Buruk, Kuala Terengganu. Pada masa yang sama juga, beliau turut dilantik sebagai Bendahari PAS Terengganu.

Selepas itu kemenangan mula berpihak kepadanya dalam pilihan raya umum 1982 di Batu Buruk, Kuala Terengganu. Walaupun beliau tewas dalam pilihan raya pada tahun 1986, tetapi dapat merampas semula dan mempertahankan kerusi DUN tersebut pada tahun 1990 sehingga kini sekarang.

Selain daripada mengusahakan syarikat guaman sendiri, beliau juga turut menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan di daerah Hulu

Terengganu. Beliau mempunyai kebun durian seluas 20 ekar dan menternak bebiri berjumlah 40 ekor.

Beliau menanam cita-cita yang tinggi terhadap agama dan masyarakatnya. Pada pendapatnya, seluruh masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam mestilah menerima agama Islam sebagai rahmat semesta alam yang membawa kebaikan keseluruhannya. Oleh yang demikian, segala syariat dan syiar Islam hendaklah ditegakkan bukan sahaja di dalam diri dan keluarga semata-mata malah perlu sampai ke peringkat pemerintahan bernegara.

Terdapat beberapa kes yang pernah diperbahaskan di dalam Sidang Dewan Undangan Negeri di mana beliau turut mengutarakan cadangan penyelesaian terhadap beberapa pertikaian termasuklah masalah sembahyang dua imam, denda kepada orang yang tidak berpuasa dan undang-undang murtad. Kes sembahyang dua imam ini timbul bilamana wujud perbezaan fahaman politik antara dua parti utama, iaitu UMNO dan PAS, pada suatu ketika dahulu.

Umpamanya pada tahun 1982 pula, pihak kerajaan negeri telah meminda Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Terengganu mengenai jumlah denda yang sepatutnya dikenakan terhadap orang Islam yang tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Sebelum enakmen tersebut dipinda, jumlah denda adalah terhad kepada RM 25 sehari. Namun demikian, jumlah denda tersebut ditambah kepada RM 250 sehari setelah dipinda. Pada anggapan beliau, pindaan tersebut tidak akan menyelesaikan masalah kerana orang yang kaya mampu membayar denda tersebut.

Beberapa tugas penting yang dijalankan selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Buruk ialah menyampaikan suara rakyat dalam DUN tersebut kepada pihak kerajaan negeri dan mengeratkan hubungan antara beliau dengan masyarakat setempat serta memastikan kelangsungan pembangunan fizikal dan rohani akan berterusan. Dalam pada itu juga, teguran dibuat kepada pihak kerajaan negeri bilamana timbul beberapa perkara yang agak longgar dan perlukan penyelesaian yang terbaik.

Akhirnya, beliau turut menegaskan bahawa segala perancangan parti untuk menegakkan sebuah negara Islam akan direalisasikan apabila kemenangan terlaksana kelak.



Gambar 3.2 : Premis Pejabat Wan Abdul Mutalib & Co.

Namun demikian, peranan tersebut bukan hanya daripada kelompok Wan semata-mata, tetapi juga daripada kelompok Melayu Patani yang lain. Sekiranya diperhatikan gelombang peranan yang dimainkan oleh kelompok Melayu Patani terhadap pembentukan Terengganu adalah berterusan hingga ke hari ini. Antara tokoh yang mungkin semakin penting peranannya dalam pentadbiran negeri adalah Ustaz Haji Abdul Rahman bin Ahmad al-Fatani di Kuala Terengganu. Beliau yang merupakan generasi Melayu Patani yang baru menetap selama 16 tahun di Terengganu mula menampakkan ketokohan dan wibawa dalam aspek perundangan Islam. Di samping menjadi pensyarah di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), beliau juga telah dilantik oleh pihak kerajaan negeri Terengganu sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Terengganu dan ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu.

Selain daripada itu juga, Ustaz Muhammad bin Abdul Majid turut terkenal di kalangan warga istana negeri Terengganu. Beliau seringkali dijemput oleh pihak istana negeri Terengganu untuk membacakan doa selamat untuk upacara tertentu. Pemilihan beliau adalah disebabkan oleh ketokohan dan *rasa keberkatan doanya* di pihak masyarakat mahupun sultan sendiri.¹⁴

Kelompok Melayu Patani generasi baru ini tidaklah begitu ketara peranannya dalam institusi politik dan pentadbiran Terengganu, namun usaha

¹⁴ Temuramah bersama Encik Salim bin Sulong di Restoran Nil, Batu Burok, Kuala Terengganu pada 16 September 1996. En. Salim merupakan Yang Dipertua Persatuan Muhibhirin Patani di Terengganu.

dan bibit-bibit ke arah peranan tersebut mula dipupuk melalui asimilasi secara langsung dalam bentuk kewujudan persatuan, kelas tajwid dan al-Quran, kelas agama dan aktiviti sosial serta ekonomi lainnya.

Kepimpinan dalam bentuk institusi persatuan yang kecil sebenarnya mempunyai peranan dan kesan yang besar dalam membentuk peribadi dan keutuhan identiti kelompok apabila mereka berada dalam keadaan minoriti.

3.2 PERSATUAN MUHAJIRIN PATANI

3.2.1 Latar Belakang Penubuhan Persatuan Muhajirin Patani

Penubuhan Persatuan Muhajirin Patani mula diilhamkan secara tidak rasmi pada tahun 1990 yang lalu. Pembentukan persatuan ini telah ditaja oleh beberapa orang daripada kalangan masyarakat Melayu Patani yang menetap di Kuala Terengganu iaitu termasuklah Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad, Ustaz Haji Ahmad bin Abdul Rahman dan beberapa individu yang lain.

Namun demikian, sebelum itu telah pun wujud sebuah persatuan yang menaungi masyarakat Melayu Patani yang berpusat di Kota Bharu, Kelantan yang dikenali sebagai Persatuan Kebajikan Darul ‘Arif (PESAKA).¹⁵ Persatuan ini memainkan peranan penting untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat Melayu Patani khususnya generasi baru yang berhijrah ke Malaysia.

¹⁵ Lihat Mohd Zafrullah Haji Arifin, *Perkembangan Sosio – Ekonomi Masyarakat Melayu Patani di Bandar Kota Bharu, Kelantan ; Satu Kajian Kes Melalui Persatuan*

Pada waktu tersebut, kebanyakan ahli persatuan terbabit merangkumi kawasan Kelantan, Terengganu, Kedah dan beberapa tempat yang lain. Akan tetapi, masalah mulai timbul apabila pihak jawatankuasa mahu menganjurkan pertemuan di kalangan ahli. Mereka terpaksa berhadapan dengan masalah kehadiran ahli yang amat tidak memuaskan. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu Patani yang bermastautin di Terengganu telah mengambil inisiatif yang lain dengan menubuhkan sebuah persatuan yang sama objektifnya agar pengurusan lebih efisyen iaitu Persatuan Muhibhirin Patani di Terengganu.

3.2.2 Objektif dan Program

Terdapat tiga objektif penting penubuhan persatuan ini iaitu:


- i. Memupuk cara hidup Islam dan menjaga kebajikan ahli.
- ii. Menyatupadukan masyarakat Melayu Patani di seluruh Terengganu.
- iii. Memberi pendidikan dan bimbingan dalam semua bidang khususnya agama Islam.

Siri-siri pertemuan dan perbincangan seringkali diadakan untuk menyelesaikan perkara dan isu yang berkaitan dan juga untuk mengatur program-program persatuan. Pada kebiasaan, pertemuan ini akan diadakan di salah sebuah rumah Ahli Jawatankuasa atau ahli Penaja. Di samping itu, pihak persatuan juga mengadakan mesyuarat agung tahunan

yang menjadi medan pertemuan sesama ahli dan perbincangan serta melantik Ahli Jawatankuasa yang baru.

3.2.3 Struktur Organisasi

Struktur Organisasi Persatuan Muhajirin Patani adalah seperti berikut:




Sumber : Senarai Jawatankuasa Persatuan Muhajirin Patani 1996/98.
Struktur organisasi tersebut terdiri daripada 19 ahli Jawatankuasa keseluruhannya.


3.2.4 Program Persatuan

i. Pertemuan Ahli


Pertemuan di kalangan ahli persatuan seringkali diadakan sama ada secara formal atau tidak formal. Pertemuan ini pada kebiasaannya akan berlangsung dalam bentuk mesyuarat persatuan yang diadakan di salah sebuah rumah ahli Jawatankuasa, mesyuarat agung dan aktiviti luaran seperti aktiviti perkhemahan, Qiamullail dan sebagainya. Pihak persatuan juga seringkali menerima kunjungan rombongan dari Patani, khususnya Pondok Pombing sendiri. (lihat gambar 3.3 hingga 3.5)



Gambar 3.3 : Para rombongan dari Patani sedang meneliti ucapan Tuan Guru Haji Abdul Rahman.




Gambar 3.4 : Tuan Guru Haji Abdul Rahman sedang menyampaikan ucapan aluan di majlis silaturrahim bersama pelajar dari pondoknya di Patani.




Gambar 3.5 : Wakil pelajar Patani yang menuntut di KUSZA juga turut berucap di majlis berkenaan.

ii. Mesyuarat Agung


Mesyuarat Agung akan diadakan setiap tahun. Ia berperanan untuk menjadi tempat perbincangan, perancangan, meneliti dan menyelesai masalah ahli dan masyarakat Melayu Patani yang baru tiba di Terengganu. Selain daripada itu, pelantikan ahli Jawatankuasa persatuan pula dilaksanakan setiap dua tahun sekali di dalam mesyuarat agung tersebut yang diadakan di salah sebuah rumah ahli Jawatankuasa seperti di rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad (Penaung) dan lain-lain. (lihat gambar 3.6 hingga 3.11)



Gambar 3.6 : Para hadirin sedang berbual mesra sebelum mesyuarat agung.



Gambar 3.7 : Ustaz Zakaria sedang mempengerusikan mesyuarat.






Gambar 3.9 : Ahli mesyuarat dari kalangan muslimat juga tidak ketinggalan.



Gambar 3.10 : Tuan Guru Haji Abdul Rahman sedang menyampaikan ucapan.



Gambar 3.11 : Tuan Guru Haji Muhammad Abdul Majid sedang memperdengarkan sebuah puisi perjuangan.

iii. Perkhemahan Anak Muhajirin Patani.

Perkhemahan Anak Muhajirin Patani ini telah diadakan pada 11 hingga 13 Jun 1996 di Marang Beach Resort, Kuala Terengganu. Aktiviti ini telah dianjurkan semasa cuti persekolahan yang antara lain bertujuan untuk memupuk silaturrahim di kalangan anak-anak ahli persatuan dan memberikan kesedaran tentang hakikat mereka sebenarnya anak jati Melayu Patani, oleh yang demikian usaha kesedaran ke arah mencintai negeri Patani sendiri perlu disemat di setiap hati sanubari mereka. (lihat foto 3.12 hingga 3.15)



Gambar 3.12 : Tuan Guru Haji Muhammad sedang merasmikan perkhemahan.



Gambar 3.13 : Kelihatan En. Salim bersama barisan kepimpinan persatuan.



Gambar 3.14 : Ustaz Zakaria sedang memberikan pengisian ilmu.



Gambar 3.15 : Anak-anak Muhajirin Patani sedang menghayati kuliah.

iii. Penubuhan Tabung Amanah Muhajirin Patani (TAHAP)

Dalam rangka usaha ke arah menjamin dan menjaga kebajikan ahli masyarakat Melayu Patani, terutamanya dari segi kewangan telah mencetuskan penubuhan sebuah tabung amanah yang dikenali sebagai Tabung Amanah Muhajirin Patani (TAHAP) pada tahun 1996. Penubuhan tabung ini bertema MEMBANGUN EKONOMI PENGERAK UMAT. Tabung ini juga diberikan status sebagai sebuah institusi pinjaman segera dan perniagaan komersil. Setiap sumbangan disalurkan melalui tabung tersebut dan melantik pemegang amanah untuk mengendalikan segala urusan kewangan yang berkaitan. Manakala ketetapan yuran bulanan juga dibuat dengan ahli jawatankuasa persatuan wajib menyumbang minimum RM 50 dan ahli biasa minimum RM 30.(lihat lampiran K)

iv. Penubuhan Kelas Iqra' & Tajwid al-Quran

Kelas pengajian Tajwid al-Quran yang menggunakan kaedah Iqra' ini telah dimulakan pada bulan Jun 1997 dengan penyertaan yang terdiri daripada anak-anak ahli Persatuan Muhajirin Patani dan masyarakat setempat. Kelas tersebut adalah terletak di Kampung Losong Haji Mat Shafei dan tapaknya disewa. Penubuhan kelas ini secara tidak langsung merupakan salah satu daripada agenda persatuan untuk menyemai dan memberikan pendidikan kepada tunas harapan bangsa dan tanahair sendiri di samping dapat menyumbang bakti kepada penduduk setempat.

Manakala tenaga pengajar kelas tersebut adalah terdiri daripada kalangan mereka sendiri dan juga salah seorang daripada tenaga pengajar pondok Remaja Inabah yang dipunyai dan diasaskan oleh Ustaz Haji Othman Abdul Latif. (lihat gambar 3.16)



Gambar 3.16 : Tahap Asuhan Al-Furqan

v. Pembentukan Majlis Fatwa dan Ulama Patani di Malaysia

Pembentukan Majlis Fatwa dan Ulama Patani telah diasaskan oleh beberapa orang ulama Patani yang menetap di Malaysia. Fungsi majlis ini adalah sebagai tempat rujukan utama dan mengeluarkan fatwa berkaitan sebarang perkara semasa yang berlaku dalam masyarakat Melayu Patani di Malaysia. Majlis ini juga penting sebagai *pengganding* kepada Majlis Fatwa yang telah terbentuk di Patani. Mereka adalah terdiri daripada wakil yang dilantik di setiap negeri seperti Kelantan (3 orang), Terengganu (3 orang), Pahang, Perak (2 orang), Johor, Perlis dan Wilayah Persekutuan dan Selangor (2 orang). Keseluruhan ahlinya adalah seramai 14 orang dan penasihat seramai 5 orang yang menetap di Patani.

vii. Pembentukan Persatuan Pelajar Patani KUSZA(PPPK).

Persatuan Pelajar Patani KUSZA ini dipengerusikan oleh Ustaz Abdul Rahman bin Ahmad sendiri. Objektif utama persatuan ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim pelajar Patani di KUSZA dan berperanan menjaga hal ehwal kebajikan pelajar Patani yang belajar di KUSZA. Setakat ini jumlah pelajar Patani yang belajar di KUSZA adalah seramai 26 orang, iaitu 14 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan. Kesemua pelajar Patani berkenaan belajar dalam pelbagai jurusan disiplin termasuklah Syariah, Usuluddin, Pengurusan dan Teknologi Maklumat.

3.3 Kesimpulan

Hubungan diplomatik antara Terengganu dan Patani telah berlangsung semenjak Terengganu di bawah takluk Patani Besar. Beberapa peranan penting kelompok Melayu Patani dalam aspek politik termasuklah sewaktu menabalkan Tun Zainal Abidin sebagai sultan Terengganu yang pertama. Malah kehadiran tokoh ulama dan pembesar negeri yang berpangkalkan nama ‘Wan’ turut mewarnakan suasana politik dan pentadbiran yang berasaskan syariat Islam. Hal yang demikian terbukti dengan kewujudan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu pada tahun 1911. Selain daripada itu, keturunan masyarakat Melayu Patani ini juga mengisi jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri seperti Pesuruhjaya Agama, Mufti, Kadi dan sebagainya. Peranan yang begitu besar dalam aspek pentadbiran secara tidak langsung turut mempengaruhi kerangka pembentukan dasar sosial, pendidikan, keagamaan dan ekonomi negeri Terengganu.

Walaupun kelompok Melayu Patani generasi baru kurang menonjol berbanding kelompok Melayu Patani generasi lama, mereka juga tidak ketinggalan berperanan dalam konteks setempat dengan memperkuatkan hubungan serta ke arah melengkapi proses asimilasi yang tersedia wujud.